

UMS dominasi

Festival Teater Sabah

Ricardo Unto

KUMPULAN teater dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendominasi Festival Teater Sabah 2015 yang berakhir pada malam Ahad di Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah di Kota Kinabalu.

Stage Production UMS meraih anugerah utama dengan *Prebet Kebimbangan*, adaptasi daripada *A Streetcar Name Desire* karya Tennessee Williams, selain memenangi anugerah Arahan Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik (Shahril Latef), Pelakon Wanita Terbaik (Ismaliza Ishak) dan Anugerah Pelakon Harapan Lelaki (Mohd Faizan Deraman).

Nurfarahin Fred Gugal dari satu lagi pasukan UMS, Seni Kreatif UMS, memenangi Anugerah Pelakon Harapan Wanita menerusi lakonannya dalam *Dewan Persidangan* dan mereka juga mentenangi tempat kedua dan Scenografi terbaik, sementara satu lagi pasukan dari universiti itu ialah Kelab Sastera Mahasiswa UMS yang mementaskan *Hartini*.

Pemenang hadiah utama dan tempat kedua masing-masing membawa pulang RM5,000 dan RM3,000.

Pengarah *Prebet Kebimbangan* Sharifuddin Zainal yang juga seorang pensyarah teater untuk Program Seni Kreatif (Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan) di UMS berkata, kejayaan itu adalah hasil daripada kerja berpasukan yang cemerlang dan disiplin dalam kalangan ahli kumpulan.

"Semua ahli pasukan memberikan seluruh komitmen mereka untuk menjadikan pementasan itu satu kejayaan."

"UMS telah menghantar tiga penyertaan di bawah arahan berlainan, di mana saya mengarahkan *Prebet Kebimbangan*, dan seorang daripada pelajar tahun akhir saya mengarahkan *Dewan Persidangan* dan satu lagi penyertaan ialah *Hartini*.

"Walaupun kami menghantar tiga penyertaan, kami semua bekerjasama untuk menjadikan mereka berjaya.. terima kasih kepada dedikasi pelajar-pelajar. Mereka adalah tenaga utama di sebalik pementasan teater itu."

"Selain itu, disiplin turut memainkan peranan penting terutamanya semasa latihan, pelajar-pelajar menepati masa dan mereka melakukan kerja rumah mereka," kata Sharifuddin selepas menerima hadiah pada Ahad.

Beliau menambah, persediaan dijalankan tiga bulan sebelum pertandingan dan ia melibatkan kira-

kira 90 pelajar.

"Setiap produksi melibatkan kira-kira 30 pelajar... jadi semuanya terdapat 90 pelajar dari tahun pertama, tahun kedua dan pelajar tahun akhir yang mengambil major dalam teater dan penulisan."

Prebet Kebimbangan menceritakan kisah seorang wanita gila bernama Bella yang mengalami masalah mental selepas dia menyaksikan suaminya membunuh diri selepas diberitahu bahawa dia tahu bahawa suaminya seorang homoseksual.

Dia kemudian berpindah dengan kakaknya di sebuah kampung selepas dia membelanjakan semua wangnya dan kehilangan rumahnya.

Konflik timbul di rumah kakaknya apabila Bella melalui masa yang sukar untuk berinteraksi dengan abang iparnya, Sahak. Keadaannya bertambah buruk apabila dia dirogol oleh Sahak.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Badan Teater Sabah menerusi *Tetamu* dan mereka menerima hadiah tunai sebanyak RM2,000. Pemenang kategori lain ialah Mazrona Kalinggalan untuk Pelakon Pembantu Wanita Terbaik dalam *The Boor* dan Jasni Yaakob (Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik – *Pulau Tanpa Cinta*).

Pertandingan itu dihakimi oleh Rosnan Abdul Rahman, Susan Bansin dan Mohd Hazlee Ali Zapar.

Festival Teater Sabah 2015 dianjurkan oleh JKKN dengan kerjasama Greenleaf Theatre House bermula 17 – 25 Oktober.

Objektif utamanya ialah untuk memacu ke arah pementasan teater yang berkualiti tinggi sambil memberikan peluang kepada kumpulan teater mempamerkan bakat mereka, untuk membina rangkaian, berkongsi idea dengan penggemar teater lain serta untuk menghidupkan semula pertandingan teater di Sabah.

Festival itu disertai oleh lapan kumpulan dari Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Kumpulan-kumpulan itu ialah Empty Studio Production (*The Boor*), Badan Teater Sabah (*Tetamu*), Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian (Karisma) (2025), Stage Production (*Prebet Kebimbangan*), Badan Bahasa dan Sastera Sabah (*Pulau Tanpa Cinta*), Kelab Sastera Mahasiswa UMS (*Hartini*), Seni Kreatif UMS (*Dewan Persidangan*) and Badan Budaya Perbadanan Labuan (*Legenda Pulau Mayat*).

Turut hadir ialah Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Kamarlin Ombi dan Pengarah JKKN Sabah Mohd Raizuli Mat Jusoh.



Sharifuddin



KAMARLIN bersama para pemenang.